

70 peratus Graduan UUM Mendapat Pekerjaan

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 31 Oktober 2010 18:02

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Oleh: Unit Foto UKK

70 peratus Graduan UUM Mendapat Pekerjaan



UUM ONLINE: Sebanyak 70 peratus graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) mendapat pekerjaan sebaik sahaja menamatkan pengajian mereka di universiti ini berikutan kejayaan mereka menguasai Bahasa Inggeris selain pencapaian cemerlang dalam bidang akademik.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, kajian menunjukkan seramai 2,000 daripada 2,768 graduan dari universiti ini telah mendapat pekerjaan ataupun melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam tempoh enam bulan.

Katanya, kajian juga sekali lagi membuktikan bahawa pencapaian akademik dan penguasaan Bahasa Inggeris adalah dua faktor utama dalam menentukan graduan mendapat pekerjaan.

"Seramai 79 peratus graduan dengan Purata Markah Keseluruhan (PMK) atau CGPA melebihi 3.00 telah mendapat pekerjaan berbanding dengan hanya 58 peratus dengan PMK kurang daripada 3.00 yang mendapat pekerjaan," katanya.

Beliau berkata, keputusan itu sangat mengembirakan kerana melebihi daripada sasaran yang diharapkan kerana universiti ini sedang berusaha keras untuk melahirkan graduan berkualiti.

Katanya, ini kerana dalam konteks universiti, masyarakat menilai kualiti sesebuah universiti itu dari aspek kualiti graduan yang dihasilkan, secara langsung berkaitan dengan penerimaan majikan terhadap graduan tersebut.

"Oleh itu, setiap universiti perlu menghasilkan graduan berkualiti dan mempunyai ciri-ciri kebolehdapatan pekerjaan," katanya.

Prof Dr. Mohamed Mustafa ketika berucap di Majlis Konvokesyen ke-23, Sidang Kedua berkata, kejayaan yang dicapai dalam pasaran kerja dan berjaya mendapat segulung ijazah ini semestinya menjadi kebanggaan kepada graduan dan universiti.

Pada majlis konvokesyen ini, seramai 4,190 graduan terdiri daripada seorang graduan Ijazah Kehormat, 52 graduan Ijazah Doktor Falsafah, tujuh graduan Doktor Pentadbiran Perniagaan, 657 graduan Ijazah Sarjana, 2,906 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 567 graduan Diploma Lepas Ijazah (Diploma Pendidikan).

Mustafa berkata, UUM juga sedang berusaha memberi impak dalam semua program akademiknya bagi